

20/09/2003

Umno, MCA pikat Cina jadi polis

KUALA LUMPUR: Umno akan bekerjasama dengan MCA bagi menjayakan kempen menarik belia Cina menyertai pasukan keselamatan berikutan sambutan yang kurang menggalakkan daripada kaum berkenaan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Umno akan membantu MCA mencari jalan menarik minat belia Cina menyertai polis.

"Mesyuarat MT Umno hari ini (semalam) memutuskan akan membantu MCA untuk mencari jalan supaya lebih ramai pemuda Cina menyertai pasukan keselamatan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat itu di sini, semalam.

Baru-baru ini MCA menubuhkan jawatankuasa khas menggerakkan kempen ke seluruh negara bagi menarik lebih ramai kaum Cina menyertai polis. Jawatankuasa khas itu diketuai Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung.

Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting sebelum ini menggesa belia Cina tidak memandang aspek gaji semata-mata sehingga menjadikan alasan tidak mahu menyertai polis, sedangkan ia tugas mulia.

MCA juga akan melancarkan Kempen Kerjaya Polis pada 27 September ini di Plaza Bukit Bintang bertujuan memberi kesedaran kepada orang ramai, khususnya masyarakat Cina mengenai tanggungjawab dan kehidupan sebagai polis.

Sementara itu, mesyuarat MT mengambil keputusan tidak perlu mengadakan kempen Keamanan Malaysia sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10, di sini bulan depan.

Dr Mahathir berkata, MT berpendapat kempen keamanan yang diadakan sebelum Sidang Kemuncak Negara-Negara Berkecuali (NAM) sebelum ini tidak perlu diadakan menjelang OIC.

MT juga berpuas hati dengan penerimaan bajet oleh semua kalangan masyarakat termasuk di Parlimen.